

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

SOALAN NO. 107

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha-usaha pencegahan oleh Kementerian dalam memastikan tahap kesihatan pekerja asing yang dibawa masuk ke Malaysia dalam keadaan baik. Apakah tindakan yang akan dikenakan kepada majikan sekiranya gagal memastikan pekerja dibawa masuk melepasi saringan tahan kesihatan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya telah mewujudkan pemeriksaan kesihatan untuk memastikan pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini berada dalam keadaan sihat dan baik dan juga untuk mencegah penularan penyakit berjangkit yang mungkin dibawa oleh pekerja asing ke negara ini. Sejak 2006 lagi, pemeriksaan kesihatan ini dibuat dalam masa satu (1) bulan tiba di Malaysia.

Pekerja asing yang bekerja di Malaysia secara sah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan perubatan pekerja asing di klinik-klinik panel FOMEMA termasuk pemeriksaan *Chest X-Ray* dan juga pemeriksaan makmal. Melalui pemeriksaan ini, pekerja asing akan disaring untuk penyakit Tuberculosis (TB), HIV, Malaria, Hepatitis B, Leprosy (Kusta), Syphilis, Psikiatrik, Kanser, Epilepsy, Penyalahgunaan dadah, kehamilan, dan lain-lain penyakit seperti DM, HPT dan kegagalan buah pinggang.

Majikan kepada pekerja asing yang disahkan tidak sesuai bekerja kerana gagal dalam pemeriksaan kesihatan yang ditetapkan akan dikehendaki untuk menghantar pulang pekerja asing tersebut. Hanya pekerja asing yang disahkan sihat dan tidak mempunyai mana-mana sebab lain yang ditetapkan akan dibenarkan untuk mendapat Permit Lanjutan Kerja Sementara (PLKS) dari Jabatan Imigresen Malaysia. Sekiranya majikan tersebut gagal untuk berbuat demikian, PLKS untuk pekerja asing yang lain di bawah majikan berkenaan turut tidak akan dapat diperbaharui oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Sekian, terima kasih.